

## **PROCHECK 2.0: MENINGKATKAN KEMAHIRAN PELAJAR MODUL III DALAM MENGENALPASTI STRUKTUR KAWALAN BAGI TOPIK PENGATURCARAAN**

<sup>1</sup>Marzita Bt Ismail, <sup>2</sup>Fadzilah Bt Fadzil, <sup>3</sup>Muhammad Azri bin Abdul Rashid  
<sup>1,2,3,4</sup>Unit Sains Komputer, Kolej Matrikulasi Kedah

### **ABSTRAK**

*Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk melihat penggunaan kaedah penyoalan reflektif melalui bahan bantu mengajar, lembaran Problem Solving Checklist Table 2.0 (ProCheck 2.0) dalam meningkatkan kemahiran pelajar mengenalpasti struktur kawalan dalam topik pengaturcaraan bagi subjek Sains Komputer. Selain itu, kajian ini juga mengenal pasti peningkatan prestasi pencapaian pelajar secara telus melalui pentaksiran yang berintegriti serta melihat penglibatan aktif dan menyeluruh setiap pelajar semasa aktiviti dijalankan. Kajian tindakan ini dijalankan secara kuantitatif dan kualitatif dengan responden kajian terdiri daripada 10 orang pelajar. Pengajaran menggunakan lembaran ProCheck 2.0 telah dijalankan selama 3 minggu (25 November -13 Disember 2018). Ujian Pra telah dilaksanakan sebelum kaedah penyoalan reflektif melalui bahan bantu mengajar lembaran ProCheck 2.0 dilaksanakan. Pada akhir minggu ke-3, Ujian Pasca telah dijalankan untuk melihat peningkatan prestasi pelajar dengan menggunakan lembaran ProCheck 2.0. Pengkaji juga menjalankan temu bual untuk melihat perubahan tingkah laku pelajar. Analisis data dilakukan dengan menggunakan peratusan. Secara keseluruhannya, hasil dapatan menunjukkan penggunaan lembaran ProCheck 2.0 ini telah meningkatkan kemahiran pelajar mengenalpasti struktur kawalan dalam topik pengaturcaraan, meningkatkan penglibatan secara aktif setiap pelajar dan meningkatkan minat dan rasa seronok terhadap subjek Sains Komputer. Akhir sekali kaedah ini juga telah meningkatkan keyakinan pelajar untuk menjawab soalan pengaturcaraan dalam Peperiksaan Semester Program Matrikulasi 2 (PSPM 2).*